

24 AUG 2002

Mahathir-Tukar

JANGAN TERBAWA-BAWA IDEA MENUKAR KERAJAAN

JOHOR BAHRU, 24 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengingatkan rakyat khususnya para pelajar pusat pengajian tinggi supaya jangan terbawa-bawa dengan pendapat bahawa kerajaan perlu ditukar untuk mendapatkan kerajaan yang lebih baik.

Perdana Menteri berkata jangan yakin sangat bahawa pertukaran pemerintah itu akan membawa perubahan kepada pemerintahan yang lebih baik.

"Kita telah lihat di negara-negara lain di mana kerajaan ditukar untuk kononnya kerajaan yang lebih baik," katanya ketika berucap pada majlis mesra dengan pelajar dan kakitangan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) di sini hari ini.

Beliau berkata akhirnya didapati bahawa kerajaan yang baru itu tidaklah menjadi lebih baik seperti mana yang diharapkan.

Bahkan, telah berlaku di beberapa negara, kerajaan yang baru dinaikkan itu bertindak menzalimi rakyatnya lebih daripada dakwaan kezaliman yang kononnya dilakukan oleh pemerintahan sebelum itu, katanya.

Dr Mahathir berkata sekali lagi ditukar kerajaan dan apa yang didapati ialah kerajaan yang semakin buruk.

Beliau mengaitkannya dengan hasrat negara bekas penjajah yang masih ingin mencampuri urusan dalam negara lain dengan alasan negara lain tidak demokratik, tidak menghormati hak asasi manusia, tidak memberi kebebasan kepada akhbar, tidak memberi kebebasan bersuara dan melarang tunjuk perasaan.

"Tetapi sebenarnya ini adalah alasan sahaja, kalau kita diletak di bawah mereka maka mereka juga tidak akan memberi kebebasan kepada kita.

"Kita tahu mereka menghadapi serangan... mereka juga mengambil tindakan mengeneipkan undang-undang dan mahkamah, dan mengambil tindakan sewenang-wenangnya ke atas orang yang dijangka oleh mereka terlibat dengan keganasan," katanya.

Perdana Menteri berkata semua yang dikatakan oleh mereka adalah "tayangan" semata-mata untuk menghalalkan tindakan mereka campur tangan dalam urusan negara lain dengan tujuan akhirnya mereka akan kembali menjajah.

Dr Mahathir berkata kadang-kadang didapati malangnya rakyat Malaysia sendiri terbawa-bawa dengan hujah-hujah pihak asing itu sehinggakan rakyat Malaysia sendiri bercakap dan menuduh negara sendiri tidak menghormati hak asasi manusia dan tidak memberi kebebasan bersuara.

"Kita pun terbawa-bawa dengan pendapat mereka dan kita, secara langsung atau tidak langsung, sudah menjadi alat kepada mereka...maka kita sendiri berusaha menjatuhkan pemerintahan kerajaan kita kononnya ia akan diganti dengan pemerintahan yang lebih baik," katanya.

Menegaskan bahawa hakikat itu bukan cerita dongeng, beliau berkata penjajahan cara lama yang menggunakan kekuatan tentera untuk menakluki negara lain mungkin tidak berlaku lagi tetapi penjajahan bentuk baru juga boleh berlaku melalui penjajahan ekonomi.

"Mereka boleh menjajah kita semata-mata dengan menjadikan kita miskin dan daif dan ini sudah dicuba oleh mereka pada tahun 1997, dengan cara yang cukup mudah, hanya dengan menjual, menjual dan menjual ringgit kita dengan banyaknya sehingga nilai ringgit kita jatuh," katanya.

Perdana Menteri berkata bila Malaysia menjadi miskin, mereka akan menawarkan bantuan kewangan tetapi dengan syarat Malaysia menyerahkan pentadbiran ekonomi negara kepada mereka dan dengan itu Malaysia tidak akan

merdeka lagi.

Dr Mahathir berkata negara yang dijajah ekonominya terpaksa bergantung hidup kepada negara penjajah yang tidak mustahil cuba menentukan pula siapa yang mereka suka untuk naik menjadi pemerintah.

"Mereka akan menentukan siapa yang akan menjadi pemerintah negara kita.. kita lihat di Palestin mereka tidak suka kepada Yasser Arafat dan cuba menggantikannya, di Iraq mereka tidak suka kepada Saddam Hussin dan mengadakan gerakan untuk menggulingkannya.

"Apakah tidak mungkin mereka cuba juga menukar kepimpinan dalam negara kita?... Pada ketika itu kita tidak bebas lagi, ditakluki oleh kuasa asing," katanya.

Sebelum itu Perdana Menteri ketika berucap pada Perhimpunan Pemimpin Pelajar Sekolah peringkat kebangsaan di Pasir Gudang, juga menyebut tentang penjajahan dalam bentuk globalisasi dengan negara besar mahu semua negara lain membuka pasaran dan ekonomi supaya mereka dapat bermaharajalela.

"Mereka memang ingin masuk ke negara kita kononnya dengan membawa masuk modal dan teknologi mereka, kononnya dengan ini kita akan jadi kaya daripada peluang-peluang yang diwujudkan oleh mereka. Tetapi kita telah lihat bagaimana mudahnya mereka boleh mengancam kebebasan negara kita," katanya.

Pada perjumpaan di UTM itu Dr Mahathir, Menteri Besar Johor Datuk Abdul Ghani Othman dan Naib Canselor UTM Prof Datuk Dr Mohd Zulkifli Mohd Ghazali bersama lebih 8,000 pelajar dan kakitangan UTM menyanyikan lagu-lagu patriotik "Keragaman Malaysia" dan mengibarkan Jalur Gemilang.

Perdana Menteri dan Abdul Ghani diberikan tepukan gemuruh apabila turut berteriak laungan keramat Merdeka! beberapa kali sempena sambutan Hari Kebangsaan 31 Ogos ini.

-- BERNAMA

MNY RHM